

JOHOR DAN KEPULAUAN RIAU: BERLAINAN NEGARA TETAPI BERSAUDARA*

Abdullah Zakaria bin Ghazali**

Pendahuluan

Pada ketika ini Malaysia dan Indonesia adalah dua buah negara yang berdaulat. Persekutuan Tanah Melayu (kemudiannya dikenali sebagai Malaysia mulai 16 September 1963) lahir sebagai negara merdeka, berdaulat dan Raja Berpelembagaan pada 31 Ogos 1957. Sementara itu Indonesia pula lahir sebagai sebuah Negara merdeka, berdaulat, dan Republik Indonesia melalui deklarasi 17 Ogos 1945. Walaupun demikian titik-titik pemisahan di antara Semenanjung Tanah Melayu (kini Malaysia) dengan Hindia Timur Belanda (kini Republik Indonesia) mulai pada 17 Mac 1824, berkuatkuasa Perjanjian Ingeris-Belanda atau Perjanjian London.¹ Oleh itu adalah menjadi hasrat makalah ini untuk menjelaskan pernyataan berlainan negara tetapi bersaudara, khususnya dalam konteks hubungan Johor dengan Kepulauan Riau. Dalam pada itu wajar juga dijelaskan di sini bahawa hubungan juga wujud di antara Johor dengan Siak, Kampar, Rokan dan Inderagiri (Propinsi Riau). Misalnya pengasas Kesultanan Siak Inderapura, Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah pernah menduduki takhta kerajaan Johor pada tahun 1718 hingga 1722.

Berlainan Negara Tetapi Bersaudara

Dalam makalah ini dinyatakan bahawa di antara Johor dengan Kepulauan Riau, mereka adalah bersaudara walaupun berlainan negara. Persoalannya kenapakah dinyatakan demikian? Oleh itu satu penjelasan perlu dinyatakan bagi membuktikan kebenaran kenyataan tersebut. Penjelasan ini hanya boleh dibuat atau dilakukan hanya melalui disiplin sejarah. Maka di sini membuktikan tentang betapa pentingnya sejarah dalam kehidupan manusia sejagat. Persoalan yang dibangkitkan itu akan dapat dirungkai; kekaburan akan dapat dijernihkan, kesamaran akan dapat dijelaskan, dan akhirnya segala penyelewengan akan dapat diluruskan.

* Makalah ini adalah kertas kerja yang dibentangkan dalam Dialog Internasional Membangkitkan Memori Kolektif Kesejarahan Indonesia-Malaysia, di Tanjungpinang, Kepulauan Riau, Indonesia, 7-10 Oktober 2009.

** Penulis ialah Profesor di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universti Malaya, Kuala Lumpur.

1 Perjanjian ini ditandatangani di London di antara British dengan Belanda. Seringkali juga perjanjian ini dikenali sebagai Perjanjian Ingeris-Belanda. Antara lain syarat perjanjian ini: Belanda menyerahkan Melaka kepada British, dan British pula menyerahkan Bengkulu atau Bangkahulu kepada Belanda. Namun yang lebih penting, penentuan kawasan lingkungan pengaruh: kawasan dari Singapura ke atas di bawah pengaruh British, manakala kawasan bermula dari bawah Singapura di bawah pengaruh Belanda. Penentuan pengaruh ini menyebabkan kawasan yang pernah menjadi pusat pentadbiran Johor, Riau (Pulau Bintan) dan Lingga (Pulau Lingga) menjadi kawasan pengaruh Belanda, yang akhirnya menjadi kawasan dalam Republik Indonesia.

Dalam konteks Sejarah Johor sebelum tahun 1824, ia seringkali disebut sebagai Sejarah Johor-Pahang-Riau-Lingga. Kenapa disebutkan demikian? Kerana kerajaan Johor yang diasaskan oleh Raja Ali, bergelar Sultan Alauddin Riayat Shah, putera Sultan Mahmud dan Tun Fatimah adalah keturunan kesultanan Melaka. Ayahanda Sultan Alauddin Riayat Shah, iaitu Sultan Mahmud adalah Sultan Melaka. Baginda menurunkan diri sebagai Sultan Melaka, menyerahkan takhta kerajaan Melaka kepada putera baginda, Raja Ahmad. Ketika angkatan Portugis menyerang Melaka pada tahun 1511, Sultan Melaka ialah Sultan Ahmad. Baginda berundur, akhirnya bersama ayahanda baginda bersemayam di Bintan. Bintan menjadi pusat pemerintahan kesultanan Melaka. Ketika berada di Bintan, Sultan Ahmad lebih mementingkan golongan pembesar muda, dan ini menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan golongan pembesar tua. Golongan pembesar tua membuat aduan kepada bekas Sultan Melaka, Raja Mahmud. Setelah mendapat arahan, Sultan Ahmad dibunuh dan dimakamkan di Bukit Batu, Bintan. Berikutnya pembesar Melaka melantik kembali Sultan Mahmud sebagai Sultan. Ketika bersemayam di Bintan, Sultan Mahmud diserang Portugis. Dalam pertempuran di Kota Kara dan Kopak pada tahun 1526, angkatan Sultan Mahmud dikalahkan, Sultan Mahmud berpindah di Kampar, dan baginda dinobatkan sebagai Sultan Kampar, dan Kampar menjadi pusat baru pemerintahan kerajaan Melaka. Pada 1528 Sultan Mahmud mangkat, dimakamkan di Kampar, dikenali sebagai Marhum Kampar. Raja Ali putera baginda yang dilantik sebagai pengganti berangkat ke Johor pada tahun yang sama mendirikan kerajaan Johor, dan bersemayam di Kota Tinggi. Dengan ini bermula kerajaan baru, iaitu Kerajaan Johor. Namun begitu pengasas kesultanan Johor ialah keturunan Melaka.

Kemudiannya pusat kerajaan Johor di tanah besar, berpindah ke Bintan ketika pemerintahan Sultan Ibrahim (1677-1685). Sultan Ibrahim bin Raja Bajau Ibni Sultan Abdullah Muayat Shah Ibni Sultan Muzaffar Shah Ibni Sultan Alauddin Riayat Shah Ibni Sultan Mahmud Shah (Marhum Kampar) ini mangkat dan dimakamkan di Bintan. Bintan seterusnya beberapa tahun menjadi pusat kerajaan Johor ketika pemerintahan Sultan Mahmud, putera dan pengganti Sultan Ibrahim. Kemudiannya pusat pemerintahan kerajaan Johor kembali berpindah ke Kota Tinggi, Johor daratan.

Kerajaan Johor mengalami perubahan penting pada tahun 1699. Pada tahun ini Sultan Mahmud dibunuh oleh Megat Seri Rama atau Laksamana Bintan. Dengan alasan Sultan Mahmud tidak mempunyai waris ganti untuk menduduki takhta kerajaan Johor, Bendahara Tun Abdul Jalil, putera Bendahara Johor Tun Habib Abdul Majid diangkat sebagai Sultan Johor pada tahun 1699, bergelar Sultan Abdullah Jalil Riayat Shah IV. Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV pernah beberapa ketika bersemayam di Bintan; tetapi kemudiannya kembali semula ke Johor daratan dan bersemayam kembali di Kota Tinggi.

Johor dan Kepulauan Riau adalah satu, dalam lingkungan kedaulatan dan ketuanan Kerajaan Johor. Jika pada tahun 1699, Sultan Mahmud dibunuh oleh Megat Seri Rama, dan Bendahara Tun Abdul Jalil diangkat sebagai Sultan Johor; pada tahun 1718 berlaku lagi peristiwa penting dalam sejarah kerajaan Johor. Pada tahun 1718 ini muncul Raja Kechil (selalu dirujuk sebagai Raja Kechil Siak), mendakwa putera Sultan Mahmud, waris berhak di atas kerajaan Johor; mendapat sokongan dan bantuan daripada golongan tertentu pembesar dan penduduk Johor, serta Orang Laut melancarkan serangan dan

menakluki Johor. Raja Kechil menduduki takhta kerajaan Johor pada tahun 1718, memakai gelaran Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah; dan Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV diturunkan semula sebagai Bendahara Johor.

Raja Kechil berkahwin dengan Tengku Kamariah, puteri Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV. Raja Kechil bersemayam di Bintan. Ketika pemerintahan baginda, Raja Sulaiman, putera Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV menjemput Opu Bugis Lima Bersaudara (Daeng Parani, Daeng Marewah, Daeng Chelak, Daeng Menambung, dan Daeng Kemasi) membantu menyerang Raja Kechil, menuntut takhta kerajaan Johor. Dengan itu perang berlaku di antara angkatan Bugis dan Raja Sulaiman dengan angkatan Raja Kechil di Bintan, dan Siak. Raja Kechil dikalahkan, alat kebesaran Johor diambil oleh Opu Bugis Lima Bersaudara.

Seterusnya Raja Sulaiman diangkat dan ditabalkan sebagai Sultan Johor, bergelar Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah. Baginda bersemayam di Bintan; dan pusat Kerajaan Johor kembali semula di Bintan. Dalam pada itu berlaku satu perkembangan penting dalam Sejarah Johor, buat pertama kalinya satu jawatan bergelar Yang Dipertuan Muda atau Yamtuan Muda dibentuk. Jawatan ini disandang hanya oleh keturunan Bugis, dan berkuasa dalam kerajaan Johor. Jawatan Yang Dipertuan Muda ini pertama kalinya disandang oleh Opu Kelana Jaya Putera Daeng Marewah, dan dia dimasyhurkan sebagai Sultan Alauddin. Kini orang Bugis terlibat dalam kerajaan Johor. Namun apa yang lebih penting kerajaan Johor menerima orang Bugis ini. Selain daripada terlibat dalam pentadbiran Kerajaan Johor, orang Bugis juga bercampur dengan orang Melayu melalui perkahwinan. Di sini memperlihatkan Bugis dan Melayu adalah serumpun, dan sebab itulah tidak menjadi sebarang masalah samada terlibat dalam pentadbiran atau mereka berkahwin.

Dalam perkahwinan tersebut, antaranya Daeng Parani berkahwin dengan Tengku Tengah atau Tengku Erang, puteri Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV; Daeng Chelak berkahwin dengan Tun Mandak, Daeng Menampuk berkahwin dengan Tun Tipah, saudara Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV; Daeng Marewah berkahwin dengan Che Ayu; Daeng Masuru berkahwin dengan Tun Kechil, dan Daeng Mengentuk berkahwin dengan Tun Aishah.²

Wujudnya hubungan mesra di antara Melayu dengan Bugis ini bukan sahaja melalui pentadbiran dan perkahwinan, tetapi juga melalui persetiaan antara kedua-dua pihak itu yang dikenali sebagai Persetiaan Sungai Baru. Dalam persetiaan ini Melayu dan Bugis berteguh janji serta bersumpah setia berkerjasama di antara Melayu dengan Bugis. Persetiaan begini berterusan ketika berlaku peralihan Yang Dipertuan Muda baru atau Bendahara Johor. Persetiaan itu antara lain menyatakan "...jikalau tuan kepada Bugis tuanlah kepada Melayu dan jikalau tuan kepada Melayu dan tuanlah kepada Bugis dan jikalau musuh kepada Bugis musuhlah kepada Melayu dan jikalau kepada Melayu musuhlah kepada Bugis maka barangsiapa mungkir dibinasakan Allah sampai anak cucunya..."³ Apabila Raja Tua meninggal dunia, Tun Abdullah diangkat sebagai Raja Tua pada 3 Mei 1735 (10 Zulhijah 1147); dan persetiaan tersebut diteguhkan semula di hadapan Sultan,

2 Ismail Hussein (ed.), "Hikayat Negeri Johor", R.O. Winstedt, *A History of Johore*, Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1979.

3 Manuskrip Persetiaan.

Yang Dipertuan Muda, Penggawa, dan Orang Tua-Tua. Mereka bersumpah setia tiada berubah-ubah dan berikrar barangsiapa mungkir daripada sumpah setia tersebut akan dikutuk oleh Allah, dan anak cucunya tidak akan beroleh kebaikan. Begitu juga ketika Daeng Kemboja dilantik sebagai Yang Dipertuan Muda menggantikan Daeng Chelak, dibaharu semula sumpah setia tersebut oleh Sultan, Yang Dipertuan Muda, Raja Indera Bongsu, Penggawa, Orang Tua-Tua. Mereka yang bersumpah setia itu akan mematuhi Sumpah Setia sebelum ini, dan menyatakan jika mungkir akan dibinasakan Allah hingga ke anak cucu. Sumpah setia diteruskan ketika perlantikan Bendahara. Dato' Bendahara berjanji dengan Yang Dipertuan Muda, Penggawa, dan Orang Tua-Tua "...barang salah disalahkan dan barang benar dibenarkan baik Melayu baik Bugis Melayu sama Bugis pun sama dan apabila Bugis salah melainkn Yang Dipertuan Muda membicarakan dia dengan sebenar-benar bicara dan apabila Melayu salah melainkan Dato' Bendahara membicarakan dia yang sebenar-benar bicara apabila tiada terbicarakan oleh Dato' Bendahara segala Melayu maka hendaklah memberitahu Yang Dipertuan Muda dan Yang Dipertuan Muda pun apabila tiada terbicarakan segala Bugis melainkan hendaklah memberitahu Dato' Bendahara maka bersaksilah Dato' Bendahara dengan Yang Dipertuan Muda kepada Allah dan RasulNya dengan sebab membaikki negeri..."⁴

Walaupun begitu tidak dapat dinafikan, dalam perkembangan sejarah Johor itu berlaku juga perselisihan di antara Melayu dengan Bugis. Perselisihan ini berpunca daripada pendapat dalam kalangan Melayu, Bugis menguasai pentadbiran kerajaan Johor. Perselisihan ini dapat diatasi, walaupun di sana sini masih terdapat bibit-bibit ketidakpuasan hati.

Konteks Belanda dengan Johor bermula pada awal kurun ke-17. Penjelajahan Belanda ke kepulauan Melayu (malah Asia) bermula pada tahun 1595 di bawah pimpinan Cornelis de Houtmen bersama 4 buah kapal.⁵ Kegiatan Belanda ini akhirnya membawa kepada penubuhan *Vereenigde Oost-Indische Compagnie* = V.O.C.), Kompeni Hindia Timur Belanda (*Dutch East India Company*) pada tahun 1602.⁶ Seterusnya Belanda terlibat dalam perdagangan di Kepulauan Melayu.⁷ Berikutnya pada tahun 1602 persahabatan Johor-Belanda dijalin. Persahabatan ini berterusan sehinggalah Johor membantu Belanda melancarkan serangan ke atas Portugis di Melaka pada tahun 1641. Gabungan serangan Johor-Belanda berjaya mengalahkan Portugis dan Belanda menduduki Melaka pada 14 Januari 1641.⁸

4 Manuskrip Persetiaan.

5 Sartono Kartodirdjo, *Pengantar Sejarah Indonesia Baru: 1500-1900 Dari Emporium Sampai Imperium* Jilid 1, Jakarta: Penerbit Pt. Gramedia Pustaka Utama, 1992, hlm. 70.

6 Leonard Y. Andaya, *The World of Maluku: Eastern Indonesia in the Early Modern Period*, Honolulu: University of Hawaii Press, 1993, hlm. 41.

7 Anthony Reid, *Southeast Asia in the Age of Commerce 1450-1680, Volume Two: The Expansion and Crisis*, New Haven: Yale University Press, 1993, hlm. 22-24.

8 Mengenai penaklukan Belanda di Melaka, sila lihat Dianne Lewis, *Jan Compagnie in the Straits of Malacca 1641-1795*, Athens: Ohio University Center For International Studies, Monographs in International Studies Southeast Asia Series No. 36, 1995, 12-20. L.Y. Andaya, *Kerajaan Johor 1641 -1728: Pembangunan Ekonomi dan Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987, hlm. 35-36.

Jika didasarkan kepada buku *Tuhfat al-Nafis*,⁹ kepentingan hubungan di antara Johor dengan Belanda bermula apabila pihak Belanda yang menawan kapal *Betsy* kepunyaan British tidak menyerahkan sebahagian muatannya kepada Johor sebagaimana perjanjian yang dibuat. Kapal *Betsy* dinakhodai Kapten Robert Geddes membawa 1,154 peti candu berlabuh di Pulau Bayan, perairan Riau. Kehadiran kapal ini diketahui oleh Residen Belanda Riau, Gerrid Pangal. Beliau melapor kepada Gabenor Melaka, Pietr Geradus de Bruijn (1777-1788). Dengan de Bruijn meminta kapal Perancis, di bawah Kapten Mathurin Barbaron merampas kapal tersebut.¹⁰

Penawanan kapal *Betsy* dan jumlah rampasan ini diketahui oleh Yamtuan Muda Raja Haji. Dengan itu dia datang ke Muar untuk berunding mengenai perkara ini. Gabenor Melaka menghantar wakil, seorang pegawai Belanda dan Kapten Melayu. Rundingan ini gagal. Raja Haji memulangkan perjanjian kepada pegawai Belanda untuk disampaikan kepada Gabenor Melaka. Gabenor yang marah terhadap tindakan Raja Haji ini menghantar 6 buah kapal (*Dolphia*, *Hoffer Linds*, *Snelheid*, *Rustenburg*, *Pilippine* dan *Adviesjacht Phoenix*) dan 910 orang askar yang terdiri daripada 362 orang eropah di bawah pimpinan Toger Aboe mengepung dan menyerang Riau. Kehadiran angkatan Belanda ini ditentang oleh tentera Johor. Kemudiannya 7 buah kapal perang dan 594 orang tentera bantuan dihantar ke Riau. Oleh kerana masih gagal menguasai Riau, 17 buah kapal kecil bersama 600 orang tentera tambahan dihantar ke Riau. Pasukan ini diketuai oleh Arnoldus Lemker. Lemker menaiki kapal *Malakka's Welvaren*. Ketika pertempuran berterusan, kapal *Malakka's Welvaren* meletup semua anak kapal di dalamnya terbunuh.¹¹

Dalam pada itu di Melaka pula, Belanda menghadapi serangan daripada Sultan Ibrahim Selangor. Konflik di antara Sultan Ibrahim dengan Belanda berpunca daripada perniagaan bijih timah di Selat Melaka. Belanda menuduh Sultan Ibrahim mempengaruhi pengusaha bijih di Perak, Sungai Ujung dan Rembau menjual bijih timah mereka di Kuala Selangor. Konflik ini berterusan sehinggalah Sultan Ibrahim bersama pengikutnya, dan dibantu oleh Penghulu Rembau melancarkan serangan ke atas Belanda di Melaka pada tahun 1782.

Ketika Belanda menguasai Melaka, Kompeni Hindia Timur Inggeris berusaha untuk mencari pengkalan yang sesuai untuk motif perdagangan dan peperangan. Sementara itu Belanda cuba menguasai dan memonopoli perdagangan bijih timah di Selat Melaka. Oleh sebab itu perkembangan Selangor pada kurun ke -18 dipandang curiga oleh Belanda. Kesultanan Selangor diasaskan oleh Raja Lumu ibni Daeng Chelak pada tahun 1766.¹² Baginda mendapat pengiktirafan daripada Sultan Mahmud (Raja Kimas) Perak. Tambahan pula pergeseran Bugis-Belanda menyebabkan angkatan Bugis menyerang Melaka pada tahun 1756. Belanda bertindak balas, dan pada tahun 1757 menyerang dan mengalahkan Bugis di Linggi.

9 Virginia Matheson (ed.), *Tuhfat al-Nafis*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1982, hlm. 202.

10 *Belanda Di Johor Dan Siak, 1602-1865* (terjemahan), Department Pendidikan dan Kebudayaan Bagian Proyek Penelitian dan Pengkajian Kebudayaan Melayu, Pekan Baru, 1985/1986, hlm. 88. Buyong Adil, *Sejarah Johor*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1971, hlm. 133.

11 Virginia Matheson (ed.), *Tuhfat al-Nafis*, hlm. 202-204. *Belanda Di Johor Dan Siak, 1602-1865*, hlm. 189-202. Buyong Adil, *Sejarah Johor*, hlm. 134-136; *Sejarah Pahang*, hlm. 89-90.

12 Mengenai perkara ini sila lihat, Barbara Watson Andaya, "The Installation of the First Sultan of Selangor in 1766", *JMBRAS*, Vol. 47, Pt. 1, 1974, hlm. 41-57. Khoo Kay Kim, "Raja Lumu/Sultan Salehuddin: The Founding of the Selangor Dynasty", *JMBRAS*, Vol. 50, Pt. 2, 1985, hlm. 1-24.

Perjanjian Belanda dengan Linggi dan Rembau ditandatangani. Kedua-dua, Linggi dan Rembau akan menjual bijih timah kepada Belanda dengan harga yang ditetapkan oleh mereka.¹³

Ketika pemerintahan Raja Lumu (kemudiannya Sultan Sallehuddin), Kuala Selangor menjadi tumpuan saudagar, terutamanya membeli bijih timah. Pembesar tempatan, dari Linggi, Rembau dan Perak yang tidak puas hati dengan tawaran harga Belanda, membawa bijih timah ke Selangor. Di Kuala Selangor, satu bahara bijih timah (400 paun) dibeli dengan harga 38 rial Sepanyol; berbanding dengan Belanda hanya 34 rial Sepanyol. Belanda mengambil langkah meningkat tawaran harga ke 36 rial Sepanyol, sebaliknya harga di Kuala Selangor meningkat lagi ke 39 rial Sepanyol satu bahara. Perkembangan ini tidak disenangi Belanda. Belanda menuduh Selangor bertanggungjawab menghantar wakil ke Perak, Rembau dan Linggi membeli bijih timah dan membawa pulang ke Selangor. Kegiatan ini menyebabkan bijih timah berkurangan di Melaka. Belanda memberi amaran kepada Rembau dan Linggi serta mengingatkan yang kedua-duanya sudah menandatangani perjanjian akan menjual bijih timah di Melaka. Kegiatan Sultan Sallehuddin ini, dan diteruskan oleh pengganti baginda, Sultan Ibrahim menyebabkan hubungan Selangor-Belanda tidak baik.

Hubungan genting ini dikerohkan lagi dengan kemunculan kapal dagang British di Kuala Selangor. Hubungan baik Sultan Sallehuddin dengan pedagang British diteruskan oleh Sultan Ibrahim. Pedagang British membawa kain dan juga candu ke Kuala Selangor. Kemudiannya mereka membeli bijih timah. Di antara kapal yang datang ke Kuala Selangor ialah *Junk Selang* yang dinakhodai James Scott dan *The Bloome* yang diketuai Francis Light.¹⁴

Sementara pasukan Johor mempertahankan serangan Belanda, Sultan Ibrahim Selangor bersama pengikut baginda dengan bantuan Rembau melancarkan serangan ke atas Belanda di Melaka pada tahun 1782. Pasukan Sultan Ibrahim berkubu di Sungai Baru, Melaka. Kemudiannya berpindah ke Batang Tiga. Pertempuran berlaku di antara pasukan Belanda dengan angkatan Sultan Ibrahim. Pasukan Belanda gagal mengalahkan Sultan Ibrahim berundur ke Bandar Melaka.

Oleh kerana kapal *Malakkas Walvaren* dan menghadapi serangan Selangor ini menyebabkan pada tahun 1784 angkatan Belanda diperintahkan pulang ke Melaka. Sementara angkatan Selangor berperang dengan Belanda di Melaka, Sultan Ibrahim bersama 30 orang pengikut berangkat ke Riau menemui bapa saudaranya, Yamtuan Muda Raja Haji untuk mendapatkan bantuan Johor. Raja Haji pula, kerana dijemput oleh anak saudaranya sendiri, Sultan Ibrahim dan perang jihad beliau mengambil keputusan untuk ikut serta dalam peperangan menentang Belanda di Melaka. Dengan diikuti oleh Sultan Mahmud Johor, Yamtuan Muda Raja Haji berangkat ke Melaka. Apabila sampai di Muar, Sultan Mahmud dinasihatkan bersemayam di sini; Yamtuan Muda Raja Haji berangkat ke Melaka.

Angkatan Johor di bawah pimpinan Raja Haji tiba di Teluk Ketapang, Melaka pada 13 Februari 1784 dan berkubu di Tanjung Palas. Dengan itu pasukan Selangor di bawah Sultan Ibrahim di Batang Tiga dan Raja Haji di Tanjung Palas melancarkan serangan ke atas Belanda.

13 Lee Kam Hing dan Mohd. Yusoff Hashim, "Peperangan Selangor-Belanda: Sebab dan Akibat Dalam Sejarah Selangor", Adnan Hj. Nawang & Mohd. Fadzil Othman (editor), *Selangor: Sejarah dan Proses Pembangunannya*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Malaya dan Muzium Sultan Alam Shah Selangor, 1992, hlm. 68.

14 Ibid., hlm. 70-76.

Dalam pada itu datang Raja Muhammad Ali bin Raja Alam ibni Raja Kecil bersama anak saudaranya Syed Ali dari Siak ke Melaka pada 14 Mei 1784 membantu Belanda. Sementara itu Gabenor Belanda Melaka meminta bantuan dari Betawi. Angkatan dari Betawi di bawah pimpinan Laksamana Jacob Pieter van Braam dengan kapal *Utrecht* bersama kira-kira 2,130 askar dan 326 meriam dikirimkan ke Melaka menentang angkatan Selangor-Johor.¹⁵ Pertempuran berlaku di antara kedua-dua pihak. Dalam perjuangan tersebut Yamtuan Muda Raja Haji mangkat di Teluk Ketapang, Melaka pada tahun 1784. Jenazahnya dimakamkan di kaki bukit Melaka (kemudiannya pindahkan ke Pulau Penyengat, Riau). Kemangkatannya menyebabkan pasukan Selangor dan Johor pulang ke negeri masing-masing.

Pada bulan Ogos 1784, angkatan Belanda dihantar menyerang Riau. Seterusnya pada Oktober 1784, kapal *Utrecht* dan 6 buah kapal perang dipimpin Laksamana Pieter Jacob van Braam datang menyerang Riau. Pertempuran berlaku dan Johor dikalahkan oleh Belanda. Yamtuan Muda Raja Ali, pengganti Raja Haji yang mangkat di Teluk Ketapang bersama orang Bugis meninggalkan Riau ke Sukadana. Sultan Mahmud yang berada di Riau menandatangani Perjanjian dengan Belanda pada 10 November 1784. Di antara lain Perjanjian ini mencatatkan bahawa pelabuhan Riau menjadi hak Belanda; Sultan Mahmud kekal sebagai pemerintah Johor di bawah perintah Belanda. Jawatan Yamtuan Muda dan orang Bugis tidak dibenarkan memegang jawatan dalam pentadbiran Johor.¹⁶ Perjanjian ini mencatatkan Sultan Mahmud sebagai Paduka Seri Sultan Mahmud raja Johor dan Pahang dalam Riau.¹⁷ Pada bulan Jun 1785 Belanda menghantar David Ruhde ke Riau memegang jawatan Residen Belanda.

Kehadiran Residen Belanda di Riau tidak disenangi oleh Sultan Mahmud. Dengan itu baginda mengutus surat kepada Raja Tempasuk di Kalimantan meminta baginda menghantar angkatan menyerang Belanda di Riau. Bantuan daripada Raja Tempasuk ini berjaya mengalahkan Belanda di Riau Mei 1787. Walaupun berjaya, Sultan Mahmud khuatirkan Belanda akan bertindak balas. Dengan itu baginda meninggalkan Riau dan bersemayam di Lingga. Kemudiannya pada tahun 1787 juga Belanda menduduki kembali Riau.

Yamtuan Muda Raja Ali menetap di Langat pada tahun 1788. Dengan usaha Sultan Ibrahim, Belanda berdamai dengan Yamtuan Muda Raja Ali.¹⁸ Sementara itu usaha dilakukan oleh Sultan Ibrahim Selangor dan Sultan Mansur Terengganu untuk mendamaikan Sultan Mahmud dengan Belanda. Usaha kedua-dua sultan ini gagal. Pada tahun 1794, Belanda dikatakan bersetuju berdamai dengan Sultan Mahmud dengan syarat Raja Ali melucutkan jawatan Yamtuan Muda dan sebagai ketua pembesar sahaja. Sementara Belanda merancang perdamaian dengan Sultan Mahmud, pasukan British di bawah Kapten Henry Newcome dan A. Brown mengambil alih teraju pentadbiran Melaka daripada Gabenor Abraham Couperus

15 Buyong Adil, *Sejarah Selangor*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981, hlm. 24. Virginia Matheson & Barbara Watson Andaya (an annotated translation), *The Precious Gift (Tuhfat al-Nafis)*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1982, hlm. 171-175.

16 Virginia Matheson (ed.), *Tuhfat al-Nafis*, hlm. 205-212. Barbara Watson Andaya, *To Live As Brothers: Southeast Sumatra in the Seventeenth and Eighteenth Centuries*, Honolulu: University of Hawaii Press, 1993, hlm. 222. Buyong Adil, *Sejarah Johor*, hlm. 140-142; *Sejarah Pahang*, hlm. 91.

17 Arsip Nasional Republik Indonesia, *Surat-Surat Perdjandjian Antara Kesultanan Riau dengan Pemerintahan2 V.O.C. dan Hindia-Belanda 1784-1909*, Jakarta: Arsip Nasional Republik Indonesia, 1970, hlm. 12.

18 Buyong Adil, *Sejarah Selangor*, hlm. 29.

(1788-1795). Begitu juga angkatan di bawah Kapten Henry Newcome datang ke Riau mengarahkan Belanda meninggalkan Riau. Pihak British menyerahkan Riau kepada Sultan Mahmud, tetapi baginda masih bersemayam di Lingga. Sultan Mahmud menyerahkan pentadbiran Riau kepada Engku Muda Muhammad bin Temenggung Abdul Rahman. Beliau tinggal di Tanjung Pinang.¹⁹

Sultan Mahmud bersemayam di Lingga sehinggalah baginda mangkat pada tahun 1812. Jenazah baginda dimakamkan di kawasan masjid raya di Lingga. Kemangkatan baginda mencetuskan benih-benih perpecahan Kerajaan Johor. Dua orang putera baginda berselisih terhadap hak menduduki takhta kerajaan Johor. Putera sulung baginda, Tengku Husin tidak mendapat sokongan Yang Dipertuan Muda Johor, Raja Jaafar diketepikan daripada jawatan sultan. Yang Dipertuan Muda Johor Raja Jaafar menyokong Tengku Abdul Rahman, adinda Tengku Husin. Dengan sokongan tersebut, Tengku Abdul Rahman dilantik sebagai Sultan Johor, bergelar Sultan Abdul Rahman.

Namun begitu, dalam perkembangan lain, Tengku Husin disokong oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris yang diwakili Thomas Stamford Raffles, dan Temenggung Johor, Abdul Rahman. Hasil sokongan dan kerjasama Raffles dan Temenggung Abdul Rahman, Tengku Husin dilantik sebagai Sultan Johor, dan bersamayam di Kampung Gelam, Singapura pada tahun 1819.

Kini terdapat dua orang Sultan dalam Kerajaan Johor, Sultan Abdul Rahman bersemayam di Lingga; manakala Sultan Husin bersemayam di Singapura. Detik perpecahan Kerajaan Johor yang bermula 1812 itu bertambah retak pada tahun 1819, dan akhirnya menjadi kenyataan pada tahun 1824. Pada tahun 1824 tersebut, kuasa British dan Belanda mengikat perjanjian di London, yang dikenali sebagai Perjanjian London atau disebut juga sebagai Perjanjian Inggeris-Belanda pada 17 Mac 1824, antara lain syarat perjanjiannya, British dan Belanda membahagikan kawasan lingkungan pengaruh masing-masing. Dalam penentuan lingkungan pengaruh itu, segala kawasan ke bawah Pulau Singapura di bawah pengaruh Belanda; manakala Pulau Singapura ke atas, di bawah pengaruh British. Pembahagian lingkungan pengaruh ini adalah pemecahan Kerajaan Johor yang dikenali juga sebagai Kerajaan Johor Lama atau Kerajaan Johor-Pahang-Riau-Lingga. Kepulauan Riau dan Lingga mulai tahun 1824 dipisahkan daripada Kerajaan Johor. Kerajaan Johor mulai tahun 1824 adalah Johor daratan dan Singapura. Pada 23 Oktober 1831, Sultan Abdul Rahman mengikat perjanjian dengan Belanda. Antara lain dalam perjanjian ini, Sultan Abdul Rahman mengakui kekuasaan Belanda.²⁰ Sultan Abdul Rahman mangkat pada tahun 1832, dimakamkan di Bukit Cengkeh, Lingga. Baginda dikenali sebagai Marhum Bukit Cengkeh. Dengan itu takhta kerajaan digantikan oleh putera baginda, Sultan Muhammad Shah (1832-1834).

19 Buyong Adil, *Sejarah Johor*, hlm. 150-151.

20 H.M. Daud Kadir, H.M.A. Eifendi et-al (penyusun), *Sejarah Kebesaran Kesultanan Lingga-Riau*, Pemerintah Kabupaten Lingga, Provinsi Kepulauan Riau, 2008, hlm. 184.

Walaupun penentuan lingkungan pengaruh ditentukan oleh British dan Belanda, hubungan di antara Lingga-Riau dengan Johor, malah dengan negeri Melayu lain, seperti Terengganu, Pahang, dan Selangor masih berkekalan. Keadaan terus menerus berubah, British dan Belanda mengekalkan kekuasaan masing-masing, dan akhirnya Riau-Lingga atau Lingga-Riau tidak lagi menjadi sebahagian kerajaan Johor, tetapi menjadi sebahagian daripada negeri Hindia Timur Belanda. Seterusnya masing-masing negeri ini, Johor menjadi negeri dalam Malaysia; dan Riau-Lingga menjadi Propinsi dalam Republik Indonesia.

Kesimpulan

Pada hari ini Johor adalah salah sebuah negeri dalam negara Malaysia; manakala Kepulauan Riau atau KEPRI adalah salah sebuah propinsi dalam Republik Indonesia. Sebelumnya kedua-dua berada di bawah satu pemerintahan yang dikenali sebagai Kerajaan Melaka; dan berikutnya Kerajaan Johor. Oleh sebab itu walaupun Johor dan KEPRI yang kini berlainan NEGARA, mereka adalah BERSAUDARA.